

11 SEP 1997

Rafidah-Mongolia

MONGOLIA BOLEH JADI PUSAT AGIHAN BARANGAN MALAYSIA

Oleh: Zulkefli Salleh

ULAN BATOR, 11 Sept (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata rancangan Malaysia untuk menggunakan Mongolia sebagai pusat pengagihan barangannya ke pasaran Rusia Timur dan China Barat mempunyai kemungkinan besar.

"Sektor swasta Malaysia tidak harus melihat Mongolia sebagai Mongolia sahaja tetapi sebagai pusat pengagihan kepada dua pasaran besar yang mempunyai kemungkinan yang baik," katanya kepada pemberita Malaysia di sini malam tadi.

Beliau memberi taklimat mengenai mesyuarat rangkuman hasil lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini antara pegawai kanan kerajaan dan anggota rombongan perniagaan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Sektor swasta Malaysia dicadangkan menggunakan kemudahan gudang bebas cukai yang didirikan oleh sebuah syarikat usaha sama Malaysia-Mongolia di sempadan Mongolia-Russia dan Mongolia-China untuk mengedarkan barang-barang yang bukan sahaja dibawa masuk daripada luar ke Mongolia tetapi juga yang boleh dipasang di Mongolia dan dibawa keluar.

Mongolia telah menjalankan kajian mereka mengenai potensi pasaran barangan di timur Russia dan ini boleh digunakan oleh Malaysia untuk mengenalpasti di mana letaknya potensi untuknya, kata beliau.

Katanya, pengusaha Malaysia juga dicadangkan menubuhkan usaha sama atau konsortium dengan rakan kongsi dari Mongolia untuk mengeksplorasi sumber galian Mongolia, satu daripadanya arang batu yang mempunyai deposit agak besar untuk dipasarkan ke China.

"Jika kita memperolehi konsesi melombong arang batu ia boleh dibawa dengan kereta api, kemungkinan kepunyaan kita sendiri, dengan menggunakan landasan keretapi yang sedia ada di Mongolia ke China dan juga ke pelabuhannya untuk diedarkan ke Jepun," jelasnya.

Beliau juga berkata, syarikat-syarikat Malaysia seperti Electric Corporation (MEC) dicadangkan mengenalpasti barangan mereka yang boleh dipasang siap di Mongolia untuk dipasarkan di negara ini serta pasaran sekitar sempadan Mongolia.

Rafidah berkata Mongolia belum mempunyai industri pembuatan dan kebanyakan barangan pengguna mereka diimport dan mereka juga perlukan industri berintensif buruh untuk menangani kadar pengangguran yang agak tinggi, iaitu hampir 29 peratus.

Menteri itu juga berkata ada penguasaha Mongolia yang bertemu dengan rombongan perniagaan Malaysia dalam masa lawatan Dr Mahathir ke sini, melahirkan hasrat kepada bakal rakan usaha sama mereka untuk datang ke Kuala Lumpur bagi menyusuli projek-projek yang dibincangkan.

Katanya, pengeluar filem HVD, misalnya, telah mencapai persefahaman untuk mengadakan usaha sama dengan pihak Mongolia bagi mengeluarkan program televisyen.

Rafidah berkata Mongolia juga telah meminta Malaysia mengenal pasti projek pelancongan yang boleh dimajukan di negara mereka.

Juga ada potensi untuk sektor swasta Malaysia melaksanakan pembangunan perumahan sama ada untuk keperluan rakyat Mongolia atau rakyat asing yang berada di Mongolia, katanya.

"Apa yang penting, Mongolia harus dilihat secara positif dan jangka panjang kerana mereka baru dalam masa tiga tahun ini mengamalkan pasaran ekonomi terbuka," katanya.

Langkah Mongolia menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bererti

negara tersebut telah menyelaraskan semua regim perdagangannya agar sejajar dengan amalan dunia, dan sektor swasta Malaysia harus menaruh keyakinan terhadap usaha tersebut, katanya.

-- BERNAMA

ZKS MA NMO